

Peradaban Melayu Dalam Gelombang Globalisasi

Mohd. Yusof Hasan

*Pusat Pendidikan Global Aminuddin Baki
Universiti Pendidikan Sultan Idris*

Pengenalan

Pada abad ke-21 ini, peradaban atau tamadun Melayu berada di dalam gelombang globalisasi yang amat mencabar. Kita harus menyedari, memahami, mempelajari, menghayati dan berusaha mempraktikkan segala ilmu pengetahuan dan pengalaman bagi menghadapi dan menangani gelombang globalisasi ini.

Definisi Peradaban

Mengikut *The Grolier International Dictionary* :

“Civilization : a condition of human society marked by an advanced stage of development in the arts and sciences and by corresponding social, political and cultural complexity”

Kamus Dewan (edisi ke 4), pula memberi definisi :

“Tamadun : keadaan masyarakat manusia yang dicirikan oleh atau didasarkan pada taraf kemajuan kebendaan serta perkembangan pemikiran (sosial, budaya, politik dll) yang tinggi, peradaban”

Dalam buku *Tamadun Islam : Suatu Sorotan*, seorang penulis membincangkan tentang “Konsep Tamadun dan Ciri-ciri ke Arah Pembangunan”, dengan memetik pendapat Syirazi yang memberi definisi tamadun sebagai “istilah yang membincangkan perihal sesuatu kekuasaan, kehebatan, kemakmuran dan kemajuan sesuatu bangsa dan negara pemerintahan. Istilah ini merujuk kepada perbincangan tentang sejarah keilmuan, peradaban, kemajuan perindustrian dan pembangunan ekonomi sesuatu negara”.

Penulis juga memberi ciri-ciri sesuatu tamadun kebendaan yang meliputi bentuk pemerintahan yang mewakili golongan pemimpin dan rakyat; pembangunan masyarakat kota; masyarakat menjadi pengeluar barangan; mempunyai pembahagian tugas dalam kerjaya yang berbeza-beza; membina bangunan unik dan berseni; dan pakaian. Manakala aspek-aspek kemajuan sosiobudaya dalam sesuatu tamadun ialah bahasa, agama, nilai, dan adat resam. Manakala ciri-ciri pembangunan sesuatu peradaban ialah seperti menebus guna sumber-sumber alam secara optimum,

memanfaatkan waktu sepenuhnya, terdapat pakar-pakar dalam pelbagai bidang, dan terdapat sistem dan perancangan kemajuan yang mapan dan berwawasan.

Terdapat berbagai-bagai tamadun yang muncul di dunia ini. *Encyclopedia of World History* membahagikan sejarah tamadun dunia kepada bab-bab “*Power and Politics*”, “*War and Peace*”, “*Society and Culture*”, “*Exploration and Empires*”, “*Trade and Industry*”, “*Science and Technology*” dan “*Religions, Belief and Thought*”. Dalam bab-bab itu dibicarakan tentang tamadun-tamadun sebelum Mashi dan selepas Mashi seperti Tamadun Rom, Greek, India, China, Jepun, Eropah, Amerika dan Islam.

Buku *Great Civilizations of Asia* membentangkan kehebatan Tamadun India dengan kemasyhuran Lembah Indus, sejarah bangsa Aryan, kelahiran Buddha, kemasyhuran Asoka, kegemilangan zaman Gupta, kemunculan Akbar dan golongan Mogul. Bagi Tamadun China, pengarang memperkatakan perihal permulaan peradaban, tokoh-tokoh pemerintah dalam zaman kegemilangan, kemasyhuran era Han, kegemilangan Zaman Tang dan diikuti dengan peradaban dinasti Sung.

Bagi Tamadun Jepun pula pengarang menggambarkan zaman-zaman permulaan dan pembentukan asas budaya Jepun. Kemudian diikuti dengan era-era Asuka, Nara dan Heian. Selanjutnya dijelaskan tentang kehebatan zaman Muromachi serta pencapaiannya. Dalam sejarah moden, Jepun telah dikalahkan dengan hinanya dengan pengeboman atom di Hiroshima dan Nagasaki pada tahun 1945. Tetapi dalam masa 50 tahun, Jepun bangun semula dan kini terdapat sebuah buku bertajuk *The Japan That Can Say No* yang bermaksud menggambarkan negara Jepun tidak tunduk lagi kepada mana-mana kuasa besar dunia yang mengebomnya dahulu. Juga dikatakan, dari segi kemajuan teknologi, pada masa ini kehidupan kita di Malaysia berbeza 20 tahun dengan negara Jepun. Dengan lain perkataan, kita di Malaysia kini adalah Jepun 20 tahun yang lalu, atau Jepun hari ini adalah Malaysia 20 tahun yang akan datang!

Definisi Globalisasi

Dunia pada abad ke-21 ini dilanda gelombang globalisasi. Fenomena atau trend terbaru dan terkini mampu merubah hidup manusia sama ada secara positif atau secara negatif. Gejala globalisasi berlaku di antara negara-negara maju dan negara-negara membangun dalam bidang ekonomi. Globalisasi menjadi semacam satu kepercayaan dogma baru di antara pihak yang kuat dengan pihak yang lemah di dalam keadaan ekonomi yang semakin meruncing dalam kalangan negara-negara di dunia.

Encyclopedia of Business, (Second Edition) yang diedit oleh Jame A. Malonis, Gale Group, Detroit, 2000 menjelaskan bahawa:

“There are competing definitions of globalization, some favourable and others less so. From the perspective of business, it is a process of worldwide economic integration. A more broad perspective describes the process through which culture is diffused throughout the world as a result of various forces including trade, travel, and communication”. (hlm.846)

Meanwhile, globalization involves more than economics. Cultural globalization involves the spread of language, products, and customs as people intermingle. A third facet of globalization involves government and international organizations”. (hlm.847)

“Globalization has various effects, some positive and some negative: One effect is that it promotes greater cultural homogeneity.... A second effect of globalization is that it changes the role of government.... A third effect is that increased industrialization resulting from economic globalization leads to environmental pollution.... A fourth effect is that globalization increase gap between the rich and the poor... Further globalization causes economic problems in one region of the world to be felt throughout the world”. (hlm.848)

Tun Dr. Mahathir dalam ucapannya bertajuk *“Globalisation and its Impact on Developing Economics”* pada 10th *World Economic Development Congress* di Kuala Lumpur pada 27 Jun 2001 menganggap globalisasi sebagai satu *“new economic religion”* – agama ekonomi baru.

Katanya:

“The sacred truths of the new economics religion called “globalisation” or the “market system” or “neoliberalism” are very simple and completely clear. The penalty for any developing-country leader who does not get up every morning to declaim these sacred truths, are altogether well known”.

Secara sinisnya, Dr. Mahathir menyatakan bahawa ia tidak bertaksu dengan “agama baru” ini:

“I am not a wide-eyed believer in this new religion- a religion which so insistently demands complete, unquestioning belief and complete, unquestioning

obedience – especially from the poor and the weak, especially when they are in great and urgent need of money”.

Bagi menghadapi gelombang globalisasi ini, Dr. Mahathir menjelaskan lima cabaran yang perlu kita tangani iaitu; cabaran pemikiran, cabaran kebenaran, cabaran kesaksamaan dan keadilan, cabaran keuntungan bersama, dan cabaran mewujudkan dunia yang lebih prihatin dan penyayang – iaitu *“a world where the winner does not take all and the loser does not lose all, where much success must go to the strong and competition, without the weak and the uncompetitive having to descend to the depths of hell”*. Ia menjelaskan bahawa terdapat dua prinsip globalisasi iaitu keberkesanan ekonomi dan persaingan ekonomi.

Bagi menangani gejala globalisasi ini, Dr. Mahathir menggariskan lima prinsip strategi: *“the principle of rationality, the principle of readiness, the principle of representation, the principle of responsibility, and the principle of self-determination”*.

Dr. Mahathir juga menganggap globalisasi sebagai Aliran Penjajahan Besar Zaman Kedua – *“the Second Great Age of Colonialism”* yang melanda hidup kita. Untuk kita di Malaysia, dinyatakan cukuplah sudah penjajahan selama 450 tahun. *“Malaysia must be free. We must be free to decide our future for ourselves”*.

Pada Sidang Kemuncak Luar Biasa Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), 7-8 Disember 2005 di Mekah dan Jeddah, Arab Saudi, Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi telah membawa konsep Islam Hadhari sebagai teras perjuangan OIC untuk memperkasakan semula umat Islam dalam era globalisasi.

Laporan *The New Straits Times*, 6 Disember 2005 menyatakan: *Malaysia’s Islam Hadhari concept may be incorporated into the proposed 10 year development plan of the Organisation of the Islamic Conference (OIC) “....Malaysia has always been regarded as a model Islamic Country and its experiences often become a reference”*. Laporan *Berita Harian* pada tarikh yang sama dipetik sebagai berikut: *“Pengalaman Malaysia melaksanakan pendekatan Islam Hadhari itu menarik perhatian perwakilan negara anggota OIC ketika mesyuarat perwakilan peringkat awal diadakan”*.

Dengan dua pandangan dan gagasan dari dua Perdana Menteri Malaysia itu, kita berdepan dengan cabaran dan realiti-realiti baru. Tun Dr. Mahathir Mohamad mengungkap bahawa gelombang globalisasi melanda hidup dan mahu tidak mahu kita mesti menghadapinya secara positif atau negatif dengan kekuatan akhlak Islam. Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pula membawa kaedah baru Islam Hadhari bagi menangani globalisasi untuk mencapai kesejahteraan di dunia dan akhirat.

Kalau boleh diibaratkan bahawa globalisasi ini adalah sebagai lautan yang mempunyai seribu satu khazanah di dalamnya untuk diterokai, maka Islam Hadhari adalah sebagai sebuah kapal baru yang dilengkapi dengan peralatan canggih dan moden untuk menerokai khazanah gelombang lautan globalisasi bagi manfaat seluruh manusia global.

Dengan gelombang globalisasi dan cara menanganinya dengan Islam Hadhari, kita mempunyai masa hadapan yang penuh janji, manifestasi dan keyakinan diri!

Tamadun Melayu dan Gelombang Globalisasi

Tamadun Melayu bermula zaman berzaman seperti tamadun yang lain. Pada zaman dahulu, tamadun ini memperlihatkan kekayaan pemikiran melalui kesusasteraan tradisional yang bersifat sastera lisan. Ketajaman dan kebijaksanaan orang Melayu dapat dimanifestasikan dalam karya-karya puisi dan prosanya. Contoh yang paling jelas ialah betapa terciptanya begitu banyak peribahasa dan perumpamaan yang lahir dari peristiwa, alam sekitar, dan manusia itu sendiri. Begitu juga dengan penghasilan bentuk pantun yang begitu tajam dan tinggi falsafahnya. Dalam bidang kesusasteraan prosa terdapat beberapa kisah hidup yang pernah dengan tamsil ibarat dan tinggi pemikiran pengarangnya.

Orang Melayu sendiri mempunyai sifat-sifat budi pekerti, sopan santun dan tabiat yang baik-lemah lembut, merendah diri, berpekerti mulia, menghormati orang lain, mentaati ibu bapa dan lain lagi.

Sifat-sifat perwatakan dan perawakan yang mulia itu didatangi dan dilengkapi pula dengan ajaran dan penghayatan akidah, syariah dan akhlak Islam. Dalam akidah terdapat kepercayaan rukun Iman yang enam, dan dalam syariah terdapat rukun Islam yang lima dan aspek-aspek muamalah, munakahat dan jenayat yang merangkumi aspek-aspek falsafah, politik, ekonomi, pendidikan, sains dan teknologi, kemasyarakatan, kemanusiann dan kesenian. Dalam akhlak, Islam menekankan aspek-aspek hubungan manusia dengan Allah, dengan dirinya, dengan manusia lain dan alam sekitar.

Ciri-ciri Melayu-Islam itu amat sempurna dan syumul sekali yang membawa manusia ke arah kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat. Melayu-Islam merupakan satu tamadun yang tinggi martabatnya.

Sekitar awal abad ke-16, peradaban Melayu-Islam menghadapi gelombang penjajahan dari Barat yang telah mengakibatkan perubahan pandangan hidup orang-orang Melayu-Islam seperti unsur-unsur kebendaan yang membawa kepada sifat-sifat dengki, dendam kesumat, dan keruntuhan moral. Pada asalnya, pemerintah Sultan mengajak seluruh rakyat memeluk Islam. Kemudian berlaku kepincangan di kalangan

pemerintah, maka seluruh rakyat turut menerima padahnya. Tanah Melayu dijajah pada 1511 selama 446 tahun dengan silih berganti kuasa-kuasa Barat mencengkam kehidupan orang-orang Melayu-Islam sehingga kita mendapat Kemerdekaan pada tahun 1957.

Bermula dengan Melaka dibuka pada tahun 1400, dengan segala kemajuan sebagai sebuah pelabuhan terkenal selama 100 tahun, kemudian dijajah selama lebih 400 tahun, kita sudah merdeka selama 50 tahun dan kini kita berada dalam abad ke 21, bersama gelombang globalisasi.

Begitulah sejarah tamadun Melayu selama 700 tahun yang lalu yang penuh dengan usaha permulaan pembinaan tamadun, penjajahan kuasa luar, pencapaian kemerdekaan dan pembinaan semula tamadun dalam gelombang globalisasi.

Peranan Institut Peradaban Melayu, UPSI

Banyak usaha dijalankan untuk membina peradaban atau tamadun Melayu di institut pengajian tinggi di dalam dan di luar negara melalui projek dan program pembelajaran, pengajaran, penyelidikan, penerbitan, perundingan dan perkhidmatan masyarakatnya. Bidang-bidang utama yang kritikal yang perlu mendapat perhatian dan tindakan Institut Peradaban Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris ialah seperti pemikiran, etika, sains dan teknologi, ICT, ekonomi, keusahawanan, perdagangan dalam peradaban Melayu. Bidang-bidang tumpuan yang lain ialah seperti Falsafah, Bahasa, Epistemologi, Etika, Pemikiran, Kemasyarakatan, Kemanusiaan, Kesusasteraan, Kesenian, Kebudayaan dan lain-lain dalam peradaban Melayu.

Kaedah-kaedah tindakan bagi mengendalikan program dan projek, Institut perlu mengadakan penyelidikan diperingkat siswazah, penganjuran persidangan dan seminar, penerbitan karya-karya agung, pertemuan dan dialog tokoh-tokoh peradaban Melayu dari kalangan orang-orang Melayu dan bukan Melayu dari dalam dan luar negara, serta mempromosi peradaban Melayu di dunia Melayu dan di luar dunia Melayu.

Institut juga perlu memperkembangkan bahasa Melayu sebagai bahasa diaspora dunia Melayu untuk lebih kurang 300 juta umat di samping memberi perhatian kepada kemantapan bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa moden yang lain.

Institut Peradaban Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris sesungguhnya dapat memberi peranan yang lebih atau setaraf dengan pusat-pusat pengajian Melayu peringkat antarabangsa, seperti di Universiti Leiden, di Negeri Belanda; Universiti Ohio, di Amerika Syarikat; Universiti Victoria, di Wellington, di New Zealand; Universiti Kebangsaan Australia, Canberra, Universiti di Beijing, China dan lain-lain lagi.

Kesimpulan: Pembinaan Peradaban Melayu

Bagi memantapkan peradaban Melayu, Institut dicadangkan membina satu paradigma pemikiran dan etika sebagai teras dan panduan pembangunan peradaban. Modul pemikiran dan etika yang dibangunkan ialah berasaskan daripada tiga sumber iaitu Islam sebagai ad-din, tamadun moden dari Barat dan Timur, dan kedudukan masyarakat majmuk dan hubungan etnik di negara Malaysia sendiri.

Berteraskan ketiga-tiga sumber itu, terbinalah satu anjakan paradigma pemikiran secara bersepadu yang dikenali sebagai Sistem Pemikiran Bersepadu 4K: Kerohanian, Kebitaraan, Kesaintifikan, Kekreatifan atau secara ringkas disebut SPB4K. Bagi melengkapi paradigma pemikiran yang tercetus daripada minda, akal dan fikiran, diperlukan pula satu paradigma etika, akhlak atau moraliti yang selari dan selaras dengan paradigma pemikiran iaitu SEB4K-Sistem Etika Bersepadu 4K: Keagamaan, Keprofesionalan, Kerasionalan dan Kemanusiaan yang lahir dari hati dan jiwa manusia.

Jadi, dari kedua-dua sistem secara bersepadu itu lahirlah: Pemikiran Kerohanian dan Etika Keagamaan; Pemikiran Kebitaraan dan Etika Keprofesionalan; Pemikiran Kesaintifikan dan Etika Kerasionalan; Pemikiran Kekreatifan dan Etika Kemanusiaan. Perbincangan selanjutnya secara terperinci tentang keempat-empat jenis Pemikiran dan keempat-empat jenis Etika itu terdapat dalam buku-buku *Pembinaan Paradigma Pemikiran Peradaban Melayu* (2005) yang diterbitkan oleh Institut Peradaban Melayu, UPSI dan *Teori Pendidikan Pemikiran Global* (2007) yang diterbitkan oleh Penerbit, UPSI.